

26/06/1997

Pelajar Malaysia digalak ke Hungary

BUDAPEST, Rabu - Pelajar Malaysia, yang kini kumpulan terbesar di pusat pengajian tinggi luar negara, mungkin dihantar melanjutkan pengajian di Hungary, sebuah pusat sains dan kejuruteraan terkemuka dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia boleh mengharapkan kemahiran ahli sains dan jurutera Hungary dalam menyelesaikan kekurangan pekerja berpengetahuan.

"Pelajar Malaysia juga boleh dihantar ke sini untuk melanjutkan pengajian mereka dalam bidang khusus," katanya ketika menyampaikan ucapan kepada 400 ahli perniagaan Hungary di Bangunan Parlimen, di sini semalam sebelum mengakhiri lawatan dua harinya ke negara itu.

Hungary, antara lain, boleh berbangga mempunyai 12 pemenang Hadiah Nobel terutama dalam bidang sains dan perubatan.

Ketika memperkenalkan Dr Mahathir pada perhimpunan itu, Menteri Perindustrian, Perdagangan dan Pelancongan, Szabolcs Fazaks, berkata kepantasan Malaysia bertindak terhadap perjanjian-perjanjian kerjasama antara kedua-dua negara adalah `satu rekod dunia'.

Perdana Menteri Hungary, Gyula Horn, melawat Malaysia pada April tahun ini, diikuti dengan lawatan Yang di-Pertuan Agong ke sini bulan lalu.

Ketika bercakap kepada wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatannya semalam, Dr Mahathir berkata lawatannya itu bersama-sama rombongan ahli perniagaan Malaysia sebagai membalas undangan Horn dan juga kerana beliau ingin melihat kemajuan yang dicapai Hungary sejak lawatan rasminya yang pertama ke sini pada 1987.

Perdana Menteri berkata, semasa lawatan pertamanya itu, ketika itu Hungary masih di bawah pemerintahan sosialis, tidak banyak aktiviti perniagaan dijalankan dan hanya ada beberapa kenderaan di jalan raya.

"Kini Budapest seperti bandar raya lain Eropah. Ada banyak kafe tepi jalan dan jalan raya pun sesak dengan kereta. Adalah jelas penduduk di sini kini gembira dan telah mencapai kemajuan," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada banyak peluang ekonomi, pelaburan dan perdagangan untuk peniaga Malaysia di Hungary.

Bidang lain yang boleh disertai Malaysia ialah penswastan, pelancongan dan pengangkutan, termasuk pengangkutan udara.

Sebelum berlepas ke London, Dr Mahathir melawat kilang kenderaan Ikarus dan sebuah kilang pemasangan elektronik di luar Budapest.

Peniaga Hungary itu turut menyaksikan tayangan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC).

MSC terletak dalam satu kawasan seluas 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang akan menjadi pusat untuk perkhidmatan dan barangan multimedia dan teknologi maklumat. - Bernama

(END)